Institute of Landscape Architects Malaysia (ILAM)

# PERLEMBAGAAN.

INSTITUT ARKITEK LANDSKAP MALAYSIA (ILAM)

**PINDAAN KE-6 | TAHUN 2024**

MALAYSIA

Institute of Landscape Architects Malaysia (ILAM)

INSTITUT ARKITEK LANDSKAP MALAYSIA (ILAM)

# PERLEMBAGAAN.

SEKSYEN 1

**PERLEMBAGAAN BAGI PERTUBUHAN INDUK INSTITUT ARKITEK LANDSKAP MALAYSIA (ILAM)**

SEKSYEN 2

**KOD ETIKA & PERILAKU PROFESIONAL**

SEKSYEN 3

**SALINAN KELULUSAN PEJABAT PENDAFTAR PERTUBUHAN DAN LAIN-LAIN**

Institute of Landscape Architects Malaysia (ILAM)

# PERLEMBAGAAN INSTITUT ARKITEK LANDSKAP MALAYSIA (ILAM)

# PERLEMBAGAAN.

## ISI KANDUNGAN

**FASAL 1** 06
NAMA, ALAMAT POS DAN TEMPAT URUSAN

**FASAL 2** 07
MAKSUD DAN TUJUAN

**FASAL 3** 08
KEAHLIAN

**FASAL 4** 11
BAYARAN MASUK, YURAN TAHUNAN DAN LAIN-LAIN BAYARAN

**FASAL 5** 12
PENGGANTUNGAN, KEBERHENTIAN DAN PELUCUTAN

**FASAL 6** 14
MESYUARAT AGUNG DAN MESYUARAT AGUNG LUAR BIASA

**FASAL 7** 16
MAJLIS

**FASAL 8** 19
TANGGUNGJAWAB AHLI MAJLIS

**FASAL 9** 20
KEWANGAN

**FASAL 10**
JURUAUDIT 21

**FASAL 11** 21
HARTA

**FASAL 12** 21
LARANGAN

**FASAL 13** 22
PINDAAN UNDANG-UNDANG

**FASAL 14** 22
PENUBUHAN *CHAPTER*

**FASAL 15** 26
PENUBUHAN ANAK SYARIKAT

**FASAL 16** 26
PEMEGANG AMANAH

**FASAL 17** 27
GELARAN AHLI

**FASAL 18** 27
PEMBUBARAN

**FASAL 19** 28
KOD ETIKA DAN PERILAKU PROFESIONAL

**FASAL 20** 28
PERKARA LAIN

**FASAL 21** 29
LOGO/LAMBANG ILAM

# FASAL 1
## NAMA, ALAMAT POS DAN TEMPAT URUSAN

A) Pertubuhan ini dengan nama INSTITUT ARKITEK LANDSKAP MALAYSIA.
Nama pendeknya ialah ILAM. Selepas ini disebut (Pertubuhan).

b) Tempat urusan dan alamat surat-menyurat ialah:-
1-10-3, Presint ALAMI,
Pusat Perniagaan Worldwide 2,
Persiaran Akuatik, Seksyen 13,
40100 Shah Alam, SELANGOR.

Atau lain-lain tempat atau tempat-tempat yang akan ditetapkan dari masa ke semasa oleh Ahli Majlis. Tempat urusan/alamat pos pertubuhan tidak boleh diubah tanpa kebenaran Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.

c) Pejabatnya yang berdaftar (alamat pos) untuk surat menyurat ialah:-
1-10-3, Presint ALAMI,
Pusat Perniagaan Worldwide 2,
Persiaran Akuatik, Seksyen 13,
40100 Shah Alam, SELANGOR.

Tempat urusan/alamat pos pertubuhan tidak boleh diubah dengan tidak dibenarkan oleh pendaftar pertubuhan terlebih dahulu.

# FASAL 2

## MAKSUD DAN TUJUAN

Pertubuhan ini mempunyai maksud dan tujuan untuk :-

(a) Mengembangkan pembangunan senibina landskap di Malaysia di dalam segala aspek perancangan, rekaan, pelaksanaan dan pengurusannya.

(b) Mengumpulkan tenaga profesional Arkitek Landskap tempatan untuk kepentingan pembangunan masyarakatnya.

(c) Menjaga kepentingan serta melindungi hak kewajipan ahli.

(d) Mengembangkan perkhidmatan seni bina landskap dan industri berkaitan landskap dalam keperluan perkhidmatan dan tenaga Arkitek Landskap yang bertauliah.

(e) Memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada hasil kerja seni bina landskap yang bermutu tinggi untuk kepentingan masyarakat umum terutamanya dalam usaha membangunkan taman bandar (town parks), taman kanak-kanak (playground), kawasan lapang, projek alam sekitar (environmental design), dan kawasan awam (public spaces) umumnya.

(f) Menimbulkan dan memberi kefahaman masyarakat umum tentang seni bina landskap terutamanya mengenai meningkatkan mutu kehidupan manusia seperti di bandar-bandar besar yang sesak dan sibuk dengan kegiatan harian bagi membolehkan masyarakat menikmati serta mengecapi kualiti kehidupan manusia dengan mengimbangkan pembangunan dan pemeliharaan alam semulajadi yang bermutu tinggi.

(g) Menjaga, memajukan dan mengemukakan kepentingan nama baik dan integriti ahli pertubuhan dan memberi apa-apa bantuan yang difikirkan perlu bagi ahli pertubuhan ini menjalankan tugas dan tanggungjawab kepada kerjaya sepenuhnya dengan memuaskan pihak yang mengunakan perkhidmatannya dari segala segi kerja pembangunan dan supaya hasil kerja benar dapat dinikmati dan dikecapi oleh semua masyarakat dan dengan itu dapat meninggikan lagi mutu hidup masyarakat Malaysia seluruhnya.

(h) Mengembang, mengiktiraf, dan mengakreditasi pengajian seni bina landskap serta membantu institusi pendidikan tinggi yang berkaitan dengan bidang seni bina landskap.

(i) Membantu dan menasihati agensi kerajaan Malaysia didalam keperluan perkhidmatan dan tenaga Arkitek Landskap yang bertauliah.

(j) Untuk membeli, memajak, menyewa, menggadai, meminjam atau memiliki hartanah untuk kegunaan pertubuhan selaras dengan tujuannya.

# FASAL 3
## KEAHLIAN

Keahlian pertubuhan dibahagikan kepada empat (4) kategori seperti berikut:-

### (A) Kategori Profesional Bertauliah

Ahli kategori ini:-

(a) Ahli kategori ini terdiri daripada **Ahli Korporat** dan **Ahli Felo.**

(b) **Mempunyai kuasa untuk mengemukakan pelan dan dokumen** untuk kelulusan daripada pihak berkuasa.

(c) **Berhak untuk mengundi dan memegang jawatan** dalam pertubuhan.

#### 1. AHLI KORPORAT

Ahli Korporat adalah terbuka kepada semua yang mempunyai syarat-syarat berikut:-

(a) Warganegara Malaysia yang mempunyai pendidikan dan kelulusan ikhtisas dalam **bidang seni bina landskap yang diiktiraf** oleh pertubuhan ; dan

(b) **Ahli Graduan** yang mempunyai **pengalaman profesional seku-rang-kurangnya dua (2) tahun** dalam bidang seni bina landskap yang perlu dinyatakan dalam vitae kurikulum dan portfolio yang disahkan oleh Ahli Korporat,; dan

(c) **Lulus Peperiksaan Ikhtisas** yang dkendalikan oleh pertubuhan.

(d) Ahli Korporat sahaja yang berhak menggunakan singkatan **LAr.** di hadapan namanya atau **AILAM** selepas namanya.

#### 2. AHLI FELO

(a) Seseorang yang **telah menjadi Ahli Korporat** pertubuhan **tidak kurang dari dua puluh (20) tahun** dan **dipilih oleh Majlis** serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan Majlis.

Atau

(b) Ahli Korporat yang pada pendapat Majlis **sangat berkaliber** dan telah **membuat sumbangan** yang besar dan cemerlang kepada pertubuhan **tidak kurang dari sepuluh (10) tahun.**

Ahli Felo sahaja yang berhak menggunakan singkatan **FILAM** selepas namanya.

## (B) Kategori Bukan Profesional Bertauliah

Ahli kategori ini:-

(a) Ahli kategori ini terdiri daripada **Ahli Graduan, Ahli Bersekutu, Ahli Siswa, dan Ahli Luar Negara.**

(b) **Tidak mempunyai kuasa untuk mengemukakan pelan dan dokumen** untuk kelulusan daripada pihak berkuasa.

(c) **Tidak berhak untuk mengundi atau memegang jawatan** dalam pertubuhan.

(d) **Tidak layak bertindak sebagai seorang profesional bertauliah** di bawah sebarang kapasiti sama ada secara individu atau bagi pihak lain.

### 1. AHLI GRADUAN

Ahli Graduan adalah terbuka kepada mereka yang memenuhi syarat-syarat berikut:-

(a) **Warganegara Malaysia** yang memiliki pendidikan dan kelulusan dalam **Ijazah Sarjana Muda Seni Bina Landskap** atau **Sarjana Seni Bina Landskap** atau setaraf dengannya dari institut pengajian tinggi dalam dan luar negara yang diikiraf oleh pertubuhan.

(b) Warganegara Malaysia yang memegang Ijazah Seni Bina Landskap atau Sarjana Seni Bina Landskap atau setaraf dengannya dari institut pengajian tinggi dalam dan luar negara yang **tidak diiktiraf** oleh pertubuhan **tetapi telah bekerja di dalam bidang seni bina landskap secara berterusan tidak kurang daripada 10 tahun** dan mendapat **kelulusan daripada Majlis ILAM.**

### 2. AHLI BERSEKUTU

Ahli Bersekutu adalah terbuka kepada mereka yang memenuhi syarat-syarat berikut:-

(a) **Seseorang yang tidak layak menjadi Ahli Korporat.**

(b) Seseorang yang **mempunyai kelulusan atau ijazah** dalam bidang yang **berkaitan dengan profesion Seni Bina Landskap**, seperti Seni Bina, Perancangan, Hortikultur, Sains Persekitaran dan Kejuruteraan atau lain-lain yang diiktiraf oleh Majlis.

## (B) Kategori Bukan Profesional Bertauliah

### 3. AHLI SISWA
Ahli Siswa adalah terbuka kepada **pelajar dan mahasiswa** yang sedang menuntut di dalam bidang pengajian peringkat **Ijazah atau Sarjana** atau **Diploma** atau **Sijil Seni Bina Landskap.**

### 4. AHLI LUAR NEGARA
Ahli Luar Negara adalah terbuka kepada seorang **Arkitek Landskap bertauliah warganegara asing** yang diyakini oleh Majlis boleh menyumbang untuk perkembangan dan kemajuan profesion ini.

## (C) Kategori Kehormat

### 1. AHLI KEHORMAT
Ahli Kehormat adalah terbuka kepada mereka yang memenuhi syarat-syarat berikut:-

(a) Seseorang yang berumur **tidak kurang dari 40 tahun.**

(b) Seseorang **ternama yang diyakini oleh majlis** boleh menyumbang untuk perkembangan dan kemajuan serta mencapai hasrat dan cita-cita tersebut.

Ahli Kehormat **tidak mempunyai kuasa untuk mengundi atau memegang jawatan** di dalam pertubuhan. Satu sijil Ahli Kehormat akan disediakan untuk penama dan ditandatangani oleh Presiden dan Setiausaha Kehormat.

## (D) Kategori Firma Perunding

### 1. FIRMA PERUNDING
Keahlian firma perunding adalah terbuka kepada firma yang memenuhi syarat- syarat berikut:-

(a) Menjalankan kerja perundingan seni bina landskap dan
(b) Berdaftar dengan Pendaftar Syarikat Malaysia.
(c) Pemilik saham majoriti firma perunding hendaklah Ahli Korporat ILAM dan telah bekerja sebagai Arkitek Landskap.

Memenuhi syarat-syarat pendaftaran yang ditentukan oleh Majlis ILAM.

# FASAL 4

## BAYARAN MASUK, YURAN TAHUNAN DAN LAIN-LAIN BAYARAN

1. Bayaran Masuk dan Yuran yang hendak dibayar adalah tertakluk kepada jadual yuran yang ditetapkan oleh Majlis dan diluluskan di dalam Mesyuarat Agung Khas.

| Kategori Keahlian | Kadar Yuran (RM) | |
|---|---|---|
| | BAYARAN MASUK | Yuran Tahunan |
| 1. Ahli Korporat | 250 | 250 |
| 2. Ahli Graduan | 100 | 100 |
| 3. Ahli Bersekutu | 100 | 100 |
| 4. Ahli Kehormat | - | - |
| 5. Ahli Felo | 1000 | - |
| 6. Ahli Luar Negara | 300 | 250 |
| 7. Ahli Siswa | 10 | 20 (sepanjang pengajian) |
| 8. Firma Perunding | 500 | 500 |

2. Yuran tahunan hendaklah dibayar dengan sepenuhnya kepada Bendahari Kehormat terlebih dahulu di dalam **empat belas (14) hari dari 1 haribulan Januari.**

3. Ahli yang membiarkan **hutang yurannya lebih daripada satu tahun** akan menerima surat peringatan yang ditandatangani oleh atau wakil Setiausaha Kehormat dan **hilanglah hak keistimewaan** sebagai ahli sehingga semua hutangnya telah dibayar.

4. Ahli yang membiarkan hutangnya sebanyak **lebih dari jumlah yuran bagi tiga (3) tahun** dengan sendirinya **terhenti daripada menjadi ahli pertubuhan** dan Majlis boleh memerintahkan supaya tindakan yang sah diambil terhadapnya dengan syarat mereka berpuas hati dan ahli menerima kenyataan berkenaan hutangnya terlebih dahulu.

5. Majlis mempunyai kuasa menetapkan Bayaran Masuk semula bagi sesiapa yang telah membiarkan keahliannya terlucut disebabkan hutang.

6. Yuran khas atau kutipan wang daripada ahli-ahli pertubuhan untuk perkara tertentu boleh dijalankan dengan persetujuan Mesyuarat Agung.

7. Majlis ILAM berhak untuk mengenakan caj penalti kepada ahli yang membiarkan hutangnya sebanyak lebih dari jumlah yuran bagi tiga (3) tahun mengikut kuasa Majlis ILAM.

8. Majlis mempunyai kuasa memberi kelonggaran kadar Bayaran Tahunan dalam keadaan khas atau darurat.

9. **Tiada bayaran tahunan** dikenakan bagi ahli pertubuhan yang berumur **60 tahun dan ke atas.**

# FASAL 5

## PENGGANTUNGAN, KEBERHENTIAN DAN PELUCUTAN

1. Pihak yang digantung, berhenti dan dilucut:-
   (a) Tidak dibenarkan menggunakan gelaran LAr. dan tidak dianggap arkitek landskap yang bertauliah
   (b) Tidak boleh mengemukakan dan mengesahkan pelan dan dokumen untuk kelulusan permohonan landskap kepada pihak berkuasa.

**A. Penggantungan**

1. Seseorang ahli boleh digantung atas sebab-sebab:-
   (a) Melanggar kod etika dan perilaku profesional
   (b) Penggantungan ahli atau syarikat adalah bergantung kepada keputusan yang disyorkan oleh pihak Ahli Jawatankuasa Disiplin serta diperaku dan disahkan oleh majlis.

**B. Keberhentian**

1. Seseorang ahli boleh berhenti atau dianggap berhenti atas sebab:-
   (a) Meninggal dunia.
   (b) Pilihan sendiri - Ahli yang hendak berhenti daripada menjadi ahli pertubuhan hendaklah memberi kenyataan bertulis dua (2) bulan terlebih dahulu kepada Setiausaha Kehormat dan membayar segala hutang-hutangnya dan tiada pemulangan balik mana-mana yuran yang telah dibayar.

**C. Pelucutan**

1. Seseorang ahli boleh dilucut keahlian atas sebab berikut:
   (a) Bertindak secara menyeleweng dari, atau mengabaikan, ataupun melepaskan tanggungjawabnya sebagai Arkitek Landskap yang diperaku dan disahkan oleh Majlis seperti Fasal 7.
   (b) Membuat kesalahan mahupun merendahkan martabat Arkitek Landskap atau membuat perkara-perkara yang merugikan pertubuhan atau menjejaskan nama baik pertubuhan yang diperaku dan disahkan oleh Majlis seperti Fasal 7
   (c) Disabit bersalah kerana melakukan kesalahan di dalam tatacara kanun jenayah Malaysia.

2. Selain daripada Fasal 5 (B) (1) (c), semua pelucutan ahli adalah bergantung kepada keputusan yang disyorkan oleh pihak Ahli Jawatankuasa Disiplin serta diperaku dan disahkan oleh majlis.

3. Sebelum Majlis melucutkan keahlian, ahli itu hendaklah diberitahu akan sebab-sebab bagi pelucutan secara bertulis.

4. Dan juga hendaklah diberi peluang untuk menerangkan dan mempertahankan diri sendiri.

5. Pelucutan itu hendaklah dilaksanakan secepat mungkin oleh Majlis dan keputusan akhir pelucutan adalah muktamad.

6. Surat pelucutan akan dikeluarkan dan ditandatangani oleh Presiden dan Setiausaha Kehormat.

# FASAL 6
## MESYUARAT AGUNG DAN MESYUARAT AGUNG LUAR BIASA

**A. Mesyuarat Agung**

1. Pengelolaan pertubuhan ini terserah kepada Mesyuarat Agung ahli-ahli, sekurang-kurangnya **setengah dari jumlah Ahli-ahli Korporat** atau **bilangannya tidak kurang daripada dua kali jumlah Ahli-ahli Majlis**, ikut mana yang kurang, hendaklah hadir di dalam Mesyuarat Agung bagi mengesahkan perjalanan mesyuarat dan mencukupi bilangan (korum) untuk mesyuarat.

2. **Jika korum tidak cukup selepas setengah jam** daripada waktu yang ditetapkan untuk mesyuarat, maka **mesyuarat hendaklah ditangguhkan** kepada satu tarikh **tidak lebih daripada tiga puluh (30) hari** yang ditetapkan oleh Majlis dan jika korum tidak cukup selepas setengah jam dari waktu yang ditetapkan untuk mesyuarat yang ditangguhkan itu, maka berkuatkuasalah ahli-ahli yang hadir menjalankan mesyuarat tetapi tidak berkuatkuasa mengubah undang-undang pertubuhan dan membuat keputusan-keputusan mengenai semua ahli-ahli.

3. Mesyuarat Agung Tahunan bagi pertubuhan hendaklah diadakan dengan secepat mungkin setelah akhir tahun kewangan pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan oleh Majlis tetapi **tidak lewat dari 30 Jun tiap-tiap tahun**. Kerja Mesyuarat Agung Tahunan ialah:-
   (a) Menerima **laporan Majlis** berkenaan kerja pertubuhan di dalam tahun yang lalu;
   (b) Menerima **laporan Bendahari Kehormat** dan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun yang lalu;
   (c) **Melantik 2 tahun sekali Ahli-ahli Majlis dan pemeriksa kira-kira** untuk tahun yang akan datang;
   (d) Menguruskan **lain-lain perkar**a yang dibentangkan di dalam mesyuarat.

4. **Pengumuman awal** kerana Mesyuarat Agung Tahunan yang menerangkan tarikh, waktu dan tempat dan panggilan untuk memberi cadangan meminda undang-undang dan pencalonan-pencalonan untuk pemilihan Ahli-ahli Majlis hendaklah dikirimkan oleh Setiausaha Kehormat kepada tiap-tiap ahli **tidak lewat daripada tiga puluh satu (31) hari sebelum tarikh yang ditetapkan untuk mesyuarat** dan pengumuman ini hendaklah ditunjukkan supaya jelas kelihatan ditempat urusan pertubuhan.

5. **Pencalonan untuk memilih pegawai Ahli Majlis dan cadangan** untuk dirundingkan di dalam mesyuarat hendaklah dihantar supaya sampai kepada Setiausaha Kehormat **tidak lewat daripada lima belas (15) hari selepas penerimaan pengumuman mesyuarat**.

6. Setiausaha hendaklah menghantar kepada tiap-tiap ahli **sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum diadakan mesyuarat satu agenda** (acara mesyuarat dan laporan-laporan, cadangan-cadangan dan pencalonan-pencalonan untuk pemilihan pegawai-pegawai) beserta dengan **penyata kira-kira pertubuhan bagi tahun lalu yang telah diaudit.** Salinan surat-surat ini hendaklah senang diperolehi untuk dibaca oleh ahli-ahli di tempat urusan pertubuhan pada hari meyuarat tersebut.

7. **Setiap usul yang hendak dikemukakan** dalam Mesyuarat Agung, **mestilah diluluskan oleh Majlis sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum Mesyuarat Agung**.

8. **Mesyuarat Agung Tahunan** boleh diadakan **secara fizikal, maya, hibrid atau sebarang kaedah yang bersesuaian**.

**B. Mesyuarat Agung Luar Biasa**

1. Mesyuarat Agung Luar Biasa bagi pertubuhan boleh diadakan:-
   a) Bila difikirkan mustahak oleh Majlis, atau
   b) Setiausaha Kehormat, atau
   c) Permintaan beramai-ramai dengan bertulis daripada sekurang-kurangnya 50 ahli Korporat

   Dengan menerangkan tujuan-tujuan dan sebab-sebab mengadakannya.

2. Mesyuarat Agung Luar Biasa yang diminta oleh ahli-ahli hendaklah diadakan pada satu tarikh di dalam tempoh satu bulan dari tarikh penerimaan permintaan mesyuarat itu.

3. **Pengumuman dan agenda untuk Mesyuarat Agung Luar Biasa** itu hendaklah diedarkan kepada semua ahli-ahli oleh Setiausaha Kehormat **sekurang-kurangnya lima belas (15) hari sebelum tarikh yang telah ditetapkan** untuk bermesyuarat.

4. Fasal 6 (1) dan (2) di dalam undang-undang ini berkenaan korum dan penangguhan Mesyuarat Agung Tahunan boleh digunakan untuk Mesyuarat Agung Luar Biasa. atas permintaan ahli-ahli maka mesyuarat itu hendaklah dibatalkan dan sekurang-kurangnya enam (6) bulan dari tarikh ini Mesyuarat Agung Khas atas permintaan ahli-ahli dengan tujuan yang sama tidaklah boleh diadakan.

5. Kerja Mesyuarat Agung Luar Biasa ialah:-
   a) Perkara yang dibentangkan adalah berkaitan dengan perihal pindaan undang-undang pertubuhan dan merujuk kepada Fasal 13
   b) Perkara-perkara khas yang diputuskan untuk dibawa ke Mesyuarat Agung Luar Biasa dan dipersetujui oleh Majlis.

# FASAL 7
## MAJLIS

1. a) Satu Majlis terdiri daripada Ahli Majlis pertubuhan seperti di bawah hendaklah dilantik **sekali dalam masa dua (2) tahun** di Mesyuarat Agung Tahunan:-
    - **Seorang Presiden**
    - **Seorang Naib Presiden I**
    - **Seorang Naib Presiden II**
    - **Seorang Setiausaha Kehormat**
    - **Seorang Penolong Setiausaha Kehormat**
    - **Seorang Bendahari Kehormat**
    - **Seorang Penolong Bendahari Kehormat**
    - **Tujuh orang Ahli-ahli Majlis Biasa**
    - **Tiga orang Ahli Majlis Biasa lagi yang dilantik oleh Presiden**

    b) Pemegang jawatan pertubuhan ini dan setiap Ahli Majlis yang menjalankan tugas dalam pertubuhan ini hendaklah **warganegara Malaysia**.

    c) Seorang calon **Ahli Majlis** mestilah telah menjadi **Ahli Korporat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun.**

    d) Seorang **Presiden** boleh dilantik **selama dua (2) penggal berturut-turut sahaja.**

    e) **Mantan presiden** yang terbaru akan terus menjadi **Ahli Ex-officio Majlis**. Beliau tidak boleh menjadi calon Majlis selama 1 penggal @ 2 tahun beliau menjadi Ahli Ex-officio Majlis. **Beliau juga tidak boleh mengundi di dalam mesyuarat majlis**.

    f) Presiden pertubuhan adalah **ex-officio dalam semua jawatankuasa.**

2. Nama untuk jawatan yang di atas hendaklah dicadangkan dan disokong dan pemilihan dijalankan dengan cara mengundi sulit oleh Ahli Korporat di dalam Mesyuarat Agung Tahunan berkenaan seperti Fasal 7 (1) (a).

3. Ahli Majlis bertanggungjawab mengelolakan dan mengaturkan kerja harian pertubuhan dan membuat keputusan atas perkara-perkara mengenai perjalanan pertubuhan dengan tidak terkeluar dari dasar umum yang ditetapkan oleh Mesyuarat Agung. **Ahli Majlis seharusnya tidak boleh membuat tindakan bertentangan dengan keputusan Mesyuarat Agung dengan tidak terlebih dahulu berhubung dengannya dan Ahli Majlis mestilah sentiasa taat kepada keputusan Mesyuarat Agung.** Ahli Majlis hendaklah memberi laporannya berkenaan kegiatannya pada tahun lalu kepada setiap Mesyuarat Agung Tahunan.

4. Ahli Majlis hendaklah bermesyuarat **sekurang-kurangnya sekali di dalam tiga (3) bulan dan empat belas (14) hari pengumuman bagi setiap mesyuarat hendaklah diberi kepada ahli-ahli.** Presiden dengan persendirian atau tidak kurang dari tiga (3) orang Ahli Majlis bersama-sama boleh memanggil supaya diadakan Mesyuarat Majlis pada bila-bila masa. **Sekurang-kurangnya setengah dari bilangan Ahli Majlis hendaklah hadir** bagi mengesahkan perjalanan dan mencukupi korum mesyuarat.

5. Jika timbul perkara mustahak yang berkehendakkan kelulusan Majlis dan Mesyuarat Majlis dapat diadakan, maka bolehlah Setiausaha Kehormat menerima kelulusan daripada Majlis dengan Surat Pekeliling. Syarat yang berikutan hendaklah disempurnakan sebelum keputusan Majlis boleh dianggap sebagai diterima:-
   a) Masalah yang dibangkitkan itu hendaklah dibuktikan dengan terang di dalam Surat Pekeliling yang dihantar kepada setiap Ahli Majlis.
   b) Sekurang-kurangnya setengah dari bilangan Ahli Majlis mestilah menyatakan persetujuan atau bantahan kepada cadangan itu dan;
   c) Keputusan hendaklah dengan undi yang terbanyak.

   Sebarang keputusan yang didapati melalui Surat Pekeliling hendaklah dilaporkan oleh Setiausaha Kehormat kepada Mesyuarat Majlis kemudiannya untuk dicatatkan di dalam Minit Mesyuarat.

6. Ahli Majlis yang **tidak menghadiri Mesyuarat Majlis tiga (3) kali berturut-turut tanpa alasan** yang memuaskan akan **disifatkan sebagai telah meletakkan jawatan** di dalam Majlis.

7. Jika terdapat **kekosongan jawatan Presiden** disebabkan Fasal 5, **Naib Presiden I akan memangku jawatan Presiden** sehingga Mesyuarat Agung Tahunan diadakan.

8. Jika terdapat **kekosongan jawatan Ahli Majlis** disebabkan Fasal 5, **calon yang kedua mendapat undi yang terbanyak di dalam pemilihan yang lalu hendaklah dipanggil untuk memenuhkan kekosongan itu**. Jika calon yang sedemikian tidak ada atau menolak jawatan itu, maka berkuasalah Majlis melantik lain-lain ahli korporat merujuk kepada Fasal 7 (1)(c) untuk memenuhkan kekosongan itu sehingga Mesyuarat Agung Tahunan diadakan.

9. Majlis boleh memberi arahan kepada Setiausaha Kehormat dan Ahli Majlis yang lain untuk menjalankan urusan-urusan pertubuhan. Majlis juga boleh melantik kakitangan yang difikirkan perlu serta boleh menggantung atau melucutkan jawatan sebarang kakitangan kerana cuai di dalam pekerjaan, curang, tidak cekap, ingkar menjalankan keputusan Majlis atau kerana sebab-sebab yang difikirkan merosakkan pertubuhan.

10. Di antara Mesyuarat Agung, Majlis boleh memberikan tafsirannya kepada undang-undang ini dan bila mustahak memutuskan perkara yang tidak terkandung di dalam undang-undang ini.

11. Kecuali perkara yang bertentangan atau tidak selaras dengan dasar yang telah dibuat di dalam Mesyuarat Agung, keputusan Majlis terhadap ahli dan keahlian Majlis adalah muktamad atau sehingga dirombak oleh keputusan Mesyuarat Agung.

    Presiden pertubuhan mempunyai kuasa untuk **melantik tidak lebih dari tiga (3) orang Ahli Korporat** untuk menjadi Ahli Majlis Biasa.

# FASAL 8

## TANGGUNGJAWAB AHLI MAJLIS

1 Presiden, dalam masa jawatannya, hendaklah menjadi Pengerusi semua Mesyuarat Agung dan semua Mesyuarat Majlis dan bertanggungjawab di atas kesempurnaan perjalanan semua mesyuarat. Ia mempunyai undi pemutus dan hendaklah menandatangani minit mesyuarat bila diluluskan.

2 Naib Presiden hendaklah memangku jawatan Presiden semasa ketiadaannya.

3 Setiausaha Kehormat hendaklah menjalankan kerja pertubuhan mengikut undang-undang dan hendaklah ianya menjalankan arahan-arahan Mesyuarat Agung dan Majlis. Ia bertanggungjawab menguruskan perihal surat-menyurat dan menyimpan semua buku termasuk daftar ahli yang mengandungi butiran seperti nama, nombor kad pengenalan, pekerjaan dan alamat, surat dan dokumen kecuali penyata kewangan kewangan. Ia hendaklah hadir dalam semua mesyuarat dan membuat catatan. Ia hendaklah mengirimkan kepada Pendaftar Pertubuhan Penyata Tahunan pertubuhan di dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh Mesyuarat Agung Tahunan diadakan.

4 Penolong Setiausaha Kehormat hendaklah membantu Setiausaha Kehormat menjalankan kerja pertubuhan mengikut undang-undang dan hendaklah ianya menjalankan arahan Mesyuarat Agung dan Majlis. Ia juga hendaklah bertanggungjawab membantu mentadbir dan menguruskan aktiviti-aktiviti pertubuhan.

5 Bendahari Kehormat adalah bertanggungjawab kepada semua kewangan pertubuhan. Ia hendaklah membuat dan menyimpan kira-kira berkenaan semua perkara kewangan dan bertanggungjawab diatas kesahihannya.

6 Penolong Bendahari Kehormat adalah bertanggungjawab membantu semua kewangan pertubuhan. Ia hendaklah membantu membuat dan menyimpan kira-kira berkenaan semua perkara kewangan.

Ahli Majlis biasa hendaklah menjalankan tugas yang diarahkan oleh Majlis atau Presiden.

# FASAL 9
## KEWANGAN

1. Disyaratkan kepada peruntukan yang berikut bagi undang-undang ini, wang pertubuhan ini boleh digunakan untuk perkara yang berfaedah bagi menjalankan tujuan pertubuhan, termasuklah belanja pentadbiran, bayaran gaji, biayaan dan perbelanjaan pegawai dan kakitangan yang bergaji dan upah memeriksa kira-kira tetapi walau bagaimanapun tidaklah boleh digunakan untuk membayar denda ahli yang telah dijatuhkan hukum di Mahkamah.

2. Bendahari Kehormat dibolehkan menyimpan **wang runcit tidak lebih dari RM1,000.00** pada sesuatu masa bagi setiap akaun. **Wang yang lebih dari jumlah** itu mestilah **dimasukkan ke dalam simpanan bank dalam tempoh tujuh (7) hari**. Penyata kewangan simpanan bank itu hendaklah disimpan di atas nama pertubuhan.

3. **Segala transaksi pengeluaran wang** dari akaun pertubuhan hendaklah **ditandatangani** atau **diluluskan oleh Bendahari Kehormat dan Presiden, atau Bendahari Kehormat dan Setiausaha Kehormat.**

4. **Perbelanjaan yang lebih dari RM20,000.00 bagi setiap transaksi tidak boleh dibuat tanpa kelulusan terlebih dahulu oleh Majlis.**

5. **Perbelanjaan yang lebih daripada RM50,000.00 bagi setiap transaksi tidak boleh dibuat tanpa kelulusan terlebih dahulu oleh Mesyuarat Agung atau Mesyuarat Agung Luar Biasa.**

6. **Perbelanjaan yang bernilai atau kurang dari RM20,000.00 bagi setiap transaksi boleh diluluskan** oleh **Presiden bersama Bendahari Kehormat** atau **Bendahari Kehormat bersama Setiausaha Kehormat.**

7. **Penyata kewangan tahunan hendaklah disediakan dan diperiksa oleh juruaudit** mengikut Fasal 10, dengan seberapa segeranya setelah tamat tahun kewangan. Penyata kewangan yang telah diaudit itu hendaklah dikemukakan untuk kelulusan Mesyuarat Agung Tahunan yang berikutan dan salinan hendaklah boleh diperolehi untuk makluman ahli dari tempat urusan bagi pertubuhan.

8. Ahli Majlis atau wakilnya bolehlah **diberikan elaun** sekiranya menghadiri mana-mana urusan-urusan seperti berikut;
   (a) Mesyuarat Majlis ILAM
   (b) Mesyuarat Jawatankuasa Kecil ILAM
   (c) Mesyuarat atau Aktiviti Luar yang melibatkan ILAM dan diakui oleh Majlis ILAM
   (d) Mesyuarat atau Aktiviti Luar Negara yang melibatkan ILAM dan diakui oleh Majlis ILAM

   Jumlah elaun yang akan dibayar adalah tertakluk kepada keputusan Majlis.

# FASAL 10

## JURUAUDIT

Seorang atau lebih yang bukannya ahli majlis pertubuhan boleh dilantik di dalam mesyuarat Agung Tahunan sebagai juruaudit.

Juruaudit adalah dikehendaki memeriksa penyata kewangan pertubuhan bagi setahun dan membuat laporan dan pengesahan untuk mesyuarat Agung. Juruaudit boleh pada bila-bila masa memeriksa penyata kewangan pertubuhan di dalam tempoh jawatan mereka dan membuat laporan kepada Majlis.

# FASAL 11

## HARTA

Harta tak alih pertubuhan hendaklah didaftarkan atas nama pertubuhan. Segala surat cara yang berkaitan dengan harta itu hendaklah disempurnakan oleh tiga orang pemegang jawatan pertubuhan iaitu Presiden, Setiausaha Kehormat dan Bendahari Kehormat, yang ada pada masa itu dan perlantikan mereka adalah disahkan oleh sesuatu perakuan daripada pendaftar dan dimeterikan dengan meteri pertubuhan.

Harta tak alih pertubuhan **tidak boleh dijual, disewa, dipindahmilik atau digadai tanpa persetujuan dan kuasa yang diberi oleh Mesyuarat Agung Luar Biasa.**

# FASAL 12

## LARANGAN

Pertubuhan atau ahli-ahlinya tidak boleh menghalang atau dengan apa cara juga mengganggu perniagaan atau harga barang atau mengambil peranan di dalam gerakan Kesatuan Sekerja seperti yang diterangkan di dalam Undang-undang Kesatuan Sekerja 1959.

# FASAL 13
## PINDAAN UNDANG-UNDANG

Undang-undang ini boleh **diubah atau dipinda hanya dengan keputusan Mesyuarat Agung Luar Biasa**. Perubahan atau pindaan itu dibenarkan oleh Pendaftar Pertubuhan. Sebarang pindaan Undang-undang hendaklah **dikemukakan kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa 60 hari dari tarikh keputusan** Mesyuarat Agung Luar Biasa.

# FASAL 14
## PENUBUHAN *CHAPTER*

Majlis boleh dengan majoriti undi yang diambil pada Mesyuarat Majlis meluluskan pembentukan *Chapter* atas permohonan ahli korporat di mana-mana kawasan

1. PEMBUBARAN *CHAPTER*

(a) Majlis mempunyai kuasa membubarkan *chapter* sekiranya:

i *Chapter* **tidak mematuhi peraturan pertubuhan atau Keputusan** Mesyuarat Agung Tahunan

ii *Chapter* didapati **bersalah kerana berkelakuan yang memudaratkan** pertubuhan.

(b) Keputusan untuk membubarkan Chapter hendaklah dibuat dengan undi pada mesyuarat Majlis dengan syarat bahawa sebelum keputusan diambil untuk membubarkan Chapter di atas perkara Fasal 14.1 (b) yang Chapter berkenaan telah diberi empat puluh lima (45) hari notis dan peluang untuk menjawab dakwaan tersebut.

c) Perintah pembubaran hendaklah ditandatangani oleh Setiausaha Kehormat. Apabila menerima perintah itu Chapter hendaklah,

i. Berhenti berfungsi kecuali bagi maksud pembubaran.

ii. Mana-mana *Chapter* yang terkilan dengan perintah pembubaran boleh memberikan notis rayuan secara bertulis kepada Setiausaha Kehormat dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas penerimaan notis pembubaran

iii. Dalam tempoh rayuan sehingga perintah bersabit dengan pembubaran berkuat kuasa atau diketepikan, Majlis boleh melantik daripada kalangan Ahli Felo dan Ahli Korporat ke dalam satu pengurusan Jawatankuasa untuk berurusan dengan hal ehwal *Chapter* sementara menunggu keputusan pendengaran rayuan itu.

d) Adalah menjadi tanggungjawab Pengerusi Chapter, Setiausaha Chapter dan Bendahari Chapter untuk menyerahkan kepada Setiausaha Kehormat pertubuhan, semua buku, rekod, wang dan harta lain yang dimiliki Chapter, bersama-sama dengan suatu penyata akaun Chapter dari tarikh penyerahan terakhir kira-kira kepada tarikh perintah pembubaran.

2. Jika ahli *Chapter* membuat keputusan untuk menarik diri daripada Institut, pemegang jawatan *Chapter* hendaklah segera menyerahkan kepada Setiausaha Kehormat semua buku, rekod, wang dan harta Institut dan hendaklah dengan serta-merta menyediakan dan menyampaikan kepada Bendahari Kehormat penyata akaun seperti yang dinyatakan dalam Fasal 14.5 di atas.

3. Setiap anggota *Chapter* berhak untuk hadir, bercakap dan mengundi di mana-mana Mesyuarat Agung *Chapter* beliau.

4. **Mesyuarat Agung Tahunan *Chapter*** hendaklah diadakan **tidak lewat daripada 30 Julai setiap tahun dan tidak lebih daripada tiga puluh (30) hari selepas penerimaan notis awal Mesyuarat Agung Tahunan *Chapter***. Notis mengenai masa, tarikh dan tempat Mesyuarat Agung Tahunan *Chapter* hendaklah diberikan dan salinan agenda dan penyata akaun hendaklah dihantar kepada ahli tidak kurang daripada dua puluh satu (21) hari sebelum mesyuarat.

5. **Kerja Mesyuarat Agung Tahunan** *Chapter* hendaklah: -
   (a) Menerima laporan Bendahari *Chapter* dan akaun *Chapter* yang telah diaudit bagi tahun sebelumnya.
   (b) Untuk memilih Jawatankuasa *Chapter* dan melantik juruaudit *Chapter* untuk setiap dua tahun.
   (c) Menguruskan perkara lain yang dibentangkan di dalam mesyuarat.

6. **Mesyuarat Agung Luar Biasa *Chapter*** boleh diadakan: -
   (a) Pada Arahan bertulis daripada Majlis; atau
   (b) Apabila Jawatankuasa *Chapter* merasakan mustahak; atau
   (c) Atas permintaan bertulis daripada tidak kurang daripada enam puluh peratus (60%) ahli Felo atau ahli korporat *Chapter* itu, dengan menyatakan tujuan dan sebab untuk mengadakannya.

7. Mesyuarat Agung Luar Biasa *Chapter* yang diminta oleh ahli hendaklah diadakan tidak lewat daripada dua puluh satu (21) hari dari tarikh penerimaan permintaan mesyuarat itu.

8. Kedatangan ahli sekurang-kurangnya dua kali ganda dari bilangan Ahli Jawatankuasa *Chapter* perlu hadir di mana-mana Mesyuarat Agung bagi mengesahkan perjalanan mesyuarat yang sah.

9. Jawatankuasa *Chapter* yang terdiri daripada Ahli Jawatankuasa berikut yang hendaklah dipilih daripada **kalangan Ahli Felo dan Ahli Korporat** Pertubuhan pada setiap Mesyuarat Agung Tahunan *Chapter* yang diadakan sekali dalam **setiap dua (2) tahun**.
   (a) Pengerusi *Chapter*
   (b) Naib Pengerusi *Chapter*
   (c) Setiausaha *Chapter*
   (d) Bendahari *Chapter*
   (e) Sehingga empat (4) ahli jawatankuasa lain yang terdiri daripada Ahli Felo, Ahli Korporat dan Ahli Graduan.

   Pemegang jawatan hendaklah **Warganegara Malaysia**.

